

# CUEPACS jangan 'serang' kerajaan

SAUDARA PENGARANG,

**BARU-BARU** ini, saya terbaca 'serangan' oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) terhadap kaedah pemberian bantuan sekali bayar RM500 kepada petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan bermula 1 Mac lalu.

Berdasarkan surat edaran yang dikeluarkan kementerian pada 11 Februari lalu, kadar dan kelayakan bagi pemberian sekali bayar sudah ditetapkan kepada kadar penuh RM500 dan kadar separuh RM250.

Petugas kementerian hanya layak mendapat kadar penuh RM500 jika telah dibayar Elaun Khas Covid-19 tahun lalu pada kadar penuh selama tiga bulan atau lebih manakala mereka yang menerima elaun kurang daripada tiga bulan atau kadar separuh hanya layak menerima separuh iaitu RM250.

CUEPACS berpendapat, tindakan membezakan pemberian sekali bayar ini kepada dua kadar berbeza adalah tidak adil kerana tiada mana-mana petugas yang kurang memberikan sumbangan dan boleh menyebabkan semangat petugas barisan hadapan luntur.

Kesatuan itu turut menggesa syarat petugas barisan hadapan perlu membuat tuntutan secara manual dengan mengisi borang bagi mendapat bayaran itu juga dihapuskan.

Bagi saya, mustahil CUEPACS tidak faham dengan tatacara dan prosedur kewangan yang diamalkan oleh kerajaan selama ini.

Dalam isu ini, ketua jabatan bertanggungjawab untuk menilai dan mengesahkan siapa yang layak atau tidak layak menerima bantuan RM500 berkenaan.

Pada masa sama, ketua jabatan berperanan memastikan wang yang diberikan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Ini kerana setiap sen wang yang dibelanjakan akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara pada akhir tahun. Ia bukan wang yang boleh digunakan sesuka hati kerana melibatkan duit rakyat.



**Ini kerana setiap sen wang yang dibelanjakan akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara pada akhir tahun. Ia bukan wang yang boleh digunakan sesuka hati kerana melibatkan duit rakyat."**

**IBRAHIM MD. SYUKRI**

Penjawat awam di Putrajaya